

Durian import diperam undang risiko penyakit kronik, barah

Penggunaan etefon untuk matangkan buah akan terurai menjadi gas etilena, boleh jeaskan kesihatan

Oleh Saadiah Ismail
saadiah_ismail@bh.com.my

Kuala Lumpur: Durian import yang banyak memasuki pasaran sekarang menggunakan bahan kimia untuk pengeraman, iaitu 'ubat' untuk mematangkan buah yang membawa risiko penyakit kronik, termasuk barah.

Profesor Jabatan Perniagaan Tani dan Ekonomi Biosumber, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Norsida Man, berkata memang terdapat bahan kimia dikenali etefon yang banyak digunakan dalam industri pertanian.

Katanya, etefon (2-chloroethylphosphonic acid) ialah bahan sintetik yang akan terurai menjadi gas etilena apabila diserap oleh buah atau terdedah kepada kelembapan dan suhu tertentu.

"Bahan itu bertindak balas dengan air dalam tisu buah untuk melepaskan gas etilena, iaitu hormon semula jadi tumbuhan yang mencetuskan pro-

ses pematangan.

"Jika buah belum cukup matang ketika dipetik, pematangan itu tidak sempurna iaitu buah akan nampak masak, tapi tekstur tidak sekata, aroma kurang kuat dan rasa kurang mendalam," katanya.

Kesan toksik

Norsida berkata, etefon dibenarkan di banyak negara, tetapi ada had residu maksimum (MRL) yang mesti dipatuhi.

Katanya, kesan toksik akan berlaku jika bahan itu digunakan secara berlebihan atau tidak melalui tempoh peram yang cukup sebelum dijual kerana etefon memerlukan tiga hingga tujuh hari untuk residu terurai.

"Dalam dos kecil dan jika digunakan dengan betul, bahan ini tidak berbahaya. Tetapi apa yang memberikan kebimbangan pengguna ialah jika digunakan secara tidak terkawal, terutama dalam industri eksport besar-besaran untuk mengejar untung," katanya.

Norsida berkata, kesan penggunaan etefon ialah rasa dan bau buah tidak asli, tekstur berbeza dan kualiti tidak stabil.

"Selain itu, potensi kesan kesihatan jika penggunaan etefon melebihi paras dibenarkan seperti gangguan hormon dan masalah organ dalam jangka panjang.

"Isu ini mencerminkan dilema di antara keperluan pasaran moden dan kualiti makanan asli, iaitu akhirnya dalam jangka panjang, kesedaran pengguna



Lambakan durian yang diimport dari negara luar dikhuatiri menggunakan bahan kimia untuk proses pematangan. (Foto hiasan)

mengenai isu ini mungkin mendorong kepada permintaan durian yang lebih asli dan bebas manipulasi kimia," katanya.

Di Thailand umpamanya, Norsida berkata, terdapat beberapa kawasan penanaman durian, iaitu di selatan, timur dan tengah negara menjadikan musimnya agak panjang.

Katanya, musim utama antara Mac hingga Julai, manakala di kawasan selatan yang berhampiran sempadan Malaysia, musim itu boleh berlanjutan hingga September.

"Di negara ini terutama di Pahang, Johor, Perak dan Pulau Pinang, musim utamanya ialah antara Mei hingga Ogos.

"Musim kedua sekiranya ada, boleh berlangsung antara No-

vember hingga Januari tetapi bergantung kepada cuaca dan kawasan," katanya.

Dekan Pusat Pengajian Citra merangkap Pakar Perubatan Kesihatan Awam Fakulti Perubatan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr Sharifa Ezat Wan Puteh, berkata bahan kimia seperti cucurmin dan etepon adalah bahan yang dicampur ketika ingin menuai buah berkenaan.

Katanya, walaupun curcumin berasal daripada pokok kunyit, penggunaannya sebagai pewarna tidak disahkan di Hong Kong.

"Etepon pula ialah bahan untuk memudahkan buah cepat matang. Hong Kong mengkategorikan ia sebagai antara bahan pencegah serangga dan boleh me-

nyebabkan kesan seperti kerengsaan kulit, loya, pening dan kepada sistem otak.

"Walaupun kandungan bahan ini rendah paras bahaya, China melarang penggunaannya, manakala Amerika Syarikat pula menggunakan untuk tumbuhan ladang, selain berpotensi mencemarkan kehidupan air, tanah dan udara.

"Pertubuhan Kesihatan Dunia juga mengenal pasti bahan ini sebagai kumpulan karsinogen (penyebab kanser) jenis 2B.

"Jadi, memandangkan beberapa negara maju sudah mengesan buah tercemar itu, pihak berkuasa di negara ini juga perlu menjalankan pemeriksaan kemasukan buah disalut bahan kimia berkenaan," katanya.



Norsida Man